



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

21 Jan 2021 (Khamis)

Berita Harian

Sajat didakwa sebabkan islam dipandang hina	1
Cari sokongan politik elak kena senarai hitam	2
MAIS sumbang RM200,000 kepada masjid, surau	3
Selangor peruntuk RM2j bantu 3 negeri	4

Harian Metro

250 masjid surau dapat RM200,000	5
Salur RM2j ke Pahang, Kelantan dan Terengganu	6
Sanggup jual kereta demi isteri	7
Muhammad Sajjad sudah kena dakwa	8

Kosmo

Potong gaji bantu tabung Covid-19	9
Sajat mengaku tidak salah berpakaian seperti wanita	10
45 kilang buat pencemaran berulang	11

Sinar Harian

Mi segera VIT'S sah halal sejak 1980	12
Sajat sudah didakwa di mahkamah	13
MAIS bantu masjid, surau terjejas Covid-19	14
Pakej Kita Selangor	15
LZS bantu pasangan guna plastik balut lampin anak	16

Astro Awani

Tabung Covid-19 : MB Selangor Sumbang Gaji Sebulan	17
Tabung Covid-19 : MB Selangor Sumbang Gaji Sebulan	18
Tabung Covid-19 : MB Selangor Sumbang Gaji Sebulan	19

Bernamea Radio 24

Bantuan Banjir Kepada Pahang, Kelantan Dan Terengganu	20
Pakej Kita Selangor	21

Era FM

Selangor Peruntuk RM2 Juta Bantu Negeri Dilanda Banjir, Peruntuk RM73 Juta Pakej Kita Selangor	22
--	----

Nasional FM (87.7)

Pembelian Vaksin Covid-19 Turut Mengambil Kira Pekerja Asing	23
--	----

Selangor TV

ADN Kuang Serah Sumbangan MBI 'Back To School'	24
Bantuan Banjir #KitaSelangor Untuk Pahang, Kelantan Dan Terengganu	25
Gerak Politik Selangor Menuju Kematangan – MB	26
Hargai Petugas Barisan Hadapan, Selangor Bantu – MB	27
Individu Buang Sampah Ke Sungai Di Kapar Dijejaki	28
Lebih 3,000 Pelajar Daftar eptrs.my, Lupus Pinjaman 762 Peminjam Yayasan Selangor	29
MB: Inisiatif Bantu Penjaja Disegerakan Susulan PKP 2.0	30
MB: Pakej 'Home Care', Pengangkutan Percuma Buat Pesakit Covid-19	31
MB: Warga Tani Dibantu, Penyewa PPR Dapat Pengecualian	32



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



MPS Periksa Premis Patuh SOP	33
Pahang, Kelantan & Terengganu Terima Bantuan Banjir RM2 Juta	34
Pakej Kita Selangor Bantu Rakyat Hadapi PKP 2.0	35
Pakej Kita Selangor, Bantu Rakyat Hadapi PKP	36
RM6 Juta Untuk Ujian Saringan Bersasar Percuma	37
Selangor Freelance, Peluang Tambah Pendapatan	38
Selangor Prihatin, Terkesan PKP Terima Manfaat	39
Selangor Usaha Dapatkan Vaksin, Kerjasama Dengan Kerajaan Persekutuan	40
Tabung Bantuan Bencana Covid-19, MB Sumbang Sebulan Gaji	41
Tabung Covid-19 Selangor Aktif Semula, MB Sumbang Sebulan Gaji	42
Terus Laksana Saringan Bersasar, Tambah Baik SELangkah & Bantuan Makanan Petugas	43
Hadapan	
Tidak Wajar PRU Ketika Ini – Amirudin	44
Sinar FM	
Pakej Kita Selangor Diperkenalkan	45
Pakej Kita Selangor Diperkenalkan	46
Pakej Kita Selangor Diperkenalkan	47
TV3	
Peruntukan RM73.87 Juta Menerusi Pakej Kita Selangor	48
The Star	
COUNCIL MATTERS	49
ONLINE TUITION	50
Rohingya given leeway to work at Meru market until April	51
Walk in for affordable Covid-19 tests in PJ	52
Food basket aid for 950 families in Klang	53
S'gor reactivates Covid-19 aid fund	54
BFM89.9	
Bantuan Banjir Kepada Pahang, Kelantan Dan Terengganu	55
Selangor Givt Announces Aid Packages Amount More Than RM7 Mln	56
Selangor Givt Announces Aid Packages Amount More Than RM7 Mln	57
Selangor Givt Announces Aid Packages Amount More Than RM7 Mln	58
Selangor Givt Announces Aid Packages Amount More Than RM73 Mln	59
Selangor Peruntuk RM6 Juta Untuk Saringan Percuma	60
Selangor Peruntuk RM6 Juta Untuk Saringan Percuma	61
Fly FM	
Kerajaan Selangor Has Announce The Package Kitar Selangor Initiative	62
Lite FM	
RM6 Million Financial Aid Provided By The State Govt	63
RM6 Million Financial Aid Provided By The State Govt	64
Selangor Introduced RM73 Mil Financial Aid Package	65
Selangor Introduced RM73 Mil Financial Aid Package	66
Mix FM	
Selangor Introduces RM73 Mln Financial Aid Package	67
NTV7	



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Selangor Govt Rolls Out RM74 Mln Stimulus Package To Meet Current Challenges	68
The Edge CEO Morning Brief	
MCO: Selangor announces RM73.87 mil aid package	69
The Malaysian Reserve	
Bigger budget for kita selangor package	70
Traxx FM (90.3)	
Kerajaan Selangor Has Announce The Package Kitar Selangor Initiative	71
China Press	
"Pakej Kita Selangor" allocated RM73.87 million to help the people tide over the difficulties.	72
MDHS: 5 open-air morning Pasar is temporarily closed due to crowds and failure to comply with SOP.	73
Hawkers can get RM5000 micro loans through NaDi	74
Lau Weng San, MDKL and other units arranged 3 Lorries to clean up the garbage	75
Rubbish in Bandar Baru Banting was cleaned up, but the erected sign was lost.	76
Selangor government celebrates Chinese New Year online with a pre-recorded program for the first time	77
Nanyang Siang Pau	
Amirudin: Create 1,000 job opportunities, RM10 million allocation to promote gig economy	78
Lee Fu Haw: Severe epidemic in Klang, businesses and people ignore SOP to open stores and run around	79
Makkal Osai	
Kita Selangor Stimulus Package to help Selangor people	80
Summary of Kita Selangor Package programme	81
Malaysia Nanban	
SMART Selangor bus service!	82
All Selangor assemblymen to get RM100,000 each to help constituents	83
Tamil Malar	
Selangor Covid-19 fund: KL Larut Bhd donates RM225,000	84
Selangor donates financial aid to 3 states hit by floods	85
8TV	
Selangor Peruntuk RM6 Juta Untuk Saringan Percuma	86
Bername News Channel	
Selangor Peruntuk RM6 Juta Untuk Saringan Percuma	87



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 January 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Sajat didakwa sebabkan Islam dipandang hina
Muka Surat	:	18

Sajat didakwa sebabkan Islam dipandang hina

Shah Alam: Usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruzzaman atau lebih dikenali sebagai Nur Sajat, didakwa di Mahkamah Tinggi Syariah, di sini, atas tuduhan berpakaian seperti wanita sehingga menyebabkan Islam dipandang hina.

Menurut sumber, Muhammad Sajjad, 36, mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Syarie Mohamad Khalid SHae @ Shaii pada 6 Januari lalu.

Berdasarkan kertas pertu-



Gambar rakaman video yang tular memaparkan Nur Sajat menangis.

duhan, Muhammad Sajjad didakwa menyebabkan agama Islam dipandang hina dengan cara berpakaian menyerupai wanita pada majlis bacaan Yasin dan solat hajat.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di Nursajat Beautician, Alam Avenue 2, Jalan Serai Wangi G16/G, Seksyen 16, di sini, jam 7.30 malam, pada 23 Februari 2018.

Pendakwaan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 10(a) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 yang memperuntukkan hukuman penjara

maksimum tiga tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Mahkamah membenarkan Muhammad Sajjad diikat jamin RM3,000 dan menetapkan 23 Fe-

bruari ini untuk sebutan semula kes.

Pada prosiding itu, pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Syarie Selangor Atras Mohd Zain.

Sebelum ini tular di laman sosial, rakaman video yang memaparkan usahawan kosmetik itu menangis dalam keadaan bergari.

Sementara itu, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengesahkan Muhammad Sajjad dihadapkan ke Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, di sini pada 6 Januari lalu.

Fakta Nombor

RM3,000

ikat jamin ditetapkan terhadap Nur Sajat



KERATAN AKHBAR
21 January 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Cari sokongan politik elak kena senarai hitam
Muka Surat	:	20

Kegiatan 'ali baba' di Pasar Borong Selangor



Beberapa pekerja asing berada di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan ketika tinjauan semalam. (Foto BERNAMA)

Cari sokongan politik elak kena senarai hitam

53 penyewa asal langgar syarat cuba 'selamatkan diri'

Oleh Safeek Affendy Razali
 bhnews@bh.com.my

Serdang: Ada antara 53 penyewa asal lot niaga di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan di sini yang dikesan melanggar syarat, cuba mendapatkan sokongan ahli politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi menyelamatkan mereka daripada disenarai hitam.

Tindakan itu dikatakan bagi memastikan mereka terus kekal sebagai penyewa lot jualan barang basah dan sayur-sayuran di pasar berkenaan selepas mereka dikenal

pasti pihak pengurusan menyewakan lot mereka kepada orang lain, menggajikan warga asing atau melakukan provokasi jenayah.

Sebanyak 53 penyewa lot daripada 268 lot jualan itu di pasar itu sebelum ini dikesan melanggar syarat termasuk menyewakan lot jualan mereka kepada pihak ketiga dan juga warga asing.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), Dr Mohamad Khairil Mohd Razi, berkata beberapa tindakan drastik sedang dan akan diambil bagi memastikan kesalahan sewa atas sewa ini dapat ditangani segera.

"Tindakan kita terhadap mereka yang melakukan kesalahan itu adalah tidak menyambung kontrak sewaan selepas mereka disenarai hitam.

"Selepas tindakan menyenarai hitam sebahagian 53 penyewa lot jualan dibuat mereka cuba men-

apatkan rayuan dan sokongan ahli politik dan NGO untuk 'menyelamatkan mereka,'" katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau berkata, susulan dari itu pihak PKPS tampil memberikan penjelasan berserta bukti bergambar mengenai kesalahan yang dilakukan oleh penyewa tidak bertanggungjawab.

"Pada masa ini semua 53 penyewa lot jualan yang sudah dikenal pasti itu sedang disiasat oleh jawatankuasa pemantauan yang dilantik oleh PKPS.

"Kami tidak akan berkompromi lagi dengan sikap sesetengah penyewa yang degil dan mengambil keuntungan mudah dengan menyewakan pada kadar tiga kali ganda dari harga sewaan asal PKPS demi mendapat untung atas angin, sekali gus boleh menyebabkan harga jualan terpaksa dinaikkan oleh pihak ketiga," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
21 January 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	MAIS sumbang RM200,000 kepada masjid, surau
Muka Surat	:	24

MAIS sumbang RM200,000 kepada masjid, surau

Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memberi sumbangan RM200,000 kepada 250 masjid dan surau kebenaran solat Jumaat terpilih di negeri ini yang terjejas sumber pendapatan, susulan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Setiausaha MAIS, Dr Ahmad Shahir Makhtar, berkata daripada jumlah itu, RM1,000 masing-masing diberi kepada 150 masjid luar bandar, manakala RM500 untuk 60 masjid dalam bandar dan 40 surau kebenaran solat Jumaat.

“Sumbangan berbentuk wang tunai itu diberi menerusi peruntukan Baitulmal MAIS. Agihan kepada masjid luar bandar sudah selesai dilaksanakan, manakala selebihnya akan diproses secara berperingkat,” katanya dalam kenyataan semalam.



KERATAN AKHBAR		
21 January 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Selangor peruntuk RM2j bantu 3 negeri
Muka Surat	:	24

Selangor peruntuk RM2j bantu 3 negeri

Shah Alam: Kerajaan Selangor memperuntukkan RM2 juta bagi membantu Pahang, Kelantan serta Terengganu yang dilanda banjir, kata Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari.

"Bagi menyantuni jiran tetangga kita, kerajaan negeri bersedia menghulurkan Sumbangan Bantuan Banjir #KitaSelangor berjumlah RM1 juta untuk Pahang, manakala RM500,000 masing-masing untuk Kelantan dan Terengganu," katanya dalam pengumuman khas sempena Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2021 menerusi Facebook di sini, semalam.

Pada pengumuman khas itu, Amirudin turut memaklumkan kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM73.877 juta sempena Pakej Kita Selangor dalam menghadapi cabaran PKP kali ini.

Antara inisiatif yang akan dilaksanakan ialah meneruskan saringan bersasar komuniti yang mana kerajaan negeri memperuntukkan RM6 juta untuk melaksanakan Ujian Saringan Bersasar percuma yang akan memberi manfaat kepada 50,000 rakyat negeri itu.

Beliau berkata, pihaknya juga menambah baik fungsi aplikasi SELangkah yang membantu pengawasan sendiri individu ber-



Amirudin (kiri) bersama sebahagian penyumbang tabung khas COVID-19 Selangor pada pengumuman khas sempena PKP di Seksyen 7 Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

gejala membabitkan pusat panggilan 24 jam.

"Kita juga meneruskan bantuan makanan kepada petugas barisan hadapan dengan peruntukan RM3 juta membabitkan 9,822 petugas perubatan dan 3,500 anggota polis serta tentera. Kita juga menyediakan bas percuma (Smart Selangor) untuk menghantar pesakit COVID-19 berisiko rendah ke Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS)," katanya.

Amirudin berkata, setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) juga diberi peruntukan khas mesra rakyat berjumlah RM100,000, manakala RM50,000 untuk Ahli Parli-

men membabitkan perolehan asas seperti beras dan minyak masak.

Menerusi pakej itu, katanya, pengecualian sewa bulan (Januari) serta penangguhan sewa dua bulan (Februari dan Mac) untuk 2,361 penyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR), manakala penangguhan sewa tiga bulan (Januari-Mac) untuk 450 penyewa Skim Smart Sewa membabitkan kos RM2.7 juta.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga melupuskan pinjaman 762 peminjam Yayasan Selangor berjumlah RM7.177 juta.

"Sebanyak RM1.3 juta pula diperuntukkan untuk membiayai bantuan makanan untuk peman-

du teksi, pemandu bas sekolah, penyewa PPR, pemandu lori sisa pepejal dan Orang Asli, manakala peruntukan RM2 juta untuk 10,160 warga tani termasuk baucar petrol RM300 kepada nelayan, makanan ternakan untuk pengusaha ternakan dan makanan mentah untuk warga tani.

"Peruntukan RM1 juta biaya Inisiatif Peduli Anak Barisan Hadapan dengan pembukaan taska dan pusat jagaan sementara percuma di hospital awam serta premis sementara, pelancaran Portal Pusat Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) menerusi portal ePTRS.my untuk pelbagai program pembelajaran," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

21 January 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	250 masjid surau dapat RM200,000
Muka Surat	:	6

250 masjid, surau dapat RM200,000

Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menyumbang sebanyak RM200,000 kepada 250 masjid dan surau di negeri ini yang terjejas sumber pendapatan susulan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Setiausahanya, Dr Ahmad Shahir Makhtar berkata, daripada jumlah itu, RM1,000 diberikan masing-masing kepada 150 masjid luar bandar manakala RM500 untuk 60 masjid dalam bandar dan 40 surau.

“Sumbangan berbentuk wang tunai itu diberikan

menerusi peruntukan Baitulmal Mais.

“Agihan kepada masjid luar bandar sudah selesai dilaksanakan manakala selebihnya akan diproses secara berperingkat,” katanya semalam.

Beliau berkata, Mais berharap sumbangan berkenaan dapat meredakan beban pentadbir masjid dan surau untuk menyelesaikan bil utiliti selain menampung keperluan lain memandangkan kutipan tabung fasiliti itu berkurangan sejak penguatkuasaan PKP pada 18 Mac tahun lalu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

21 January 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Salur RM2j ke Pahang, Kelantan dan Terengganu
Muka Surat	:	12

Salur RM2j ke Pahang, Kelantan, Terengganu

Shah Alam: Bantuan Pakej Kita Selangor membabitkan dana RM73.877 juta disalurkan kepada rakyat Selangor selain bantuan RM2 juta untuk mangsa banjir di Pahang, Kelantan dan Terengganu.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerajaan Selangor bersimpati dengan nasib yang menimpa rakyat di negeri yang dilanda musibah banjir.

“Bagi menyantuni jiran

tetangga kita, kerajaan negeri sedia menghulurkan Sumbangan Bantuan Banjir #KitaSelangor berjumlah RM1 juta untuk Pahang.

“Rakyat Kelantan dan Terengganu masing-masing akan turut menerima Sumbangan Bantuan Banjir berjumlah RM500,000,” katanya dalam pengumuman khas sempena Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2021 menerusi *Facebook* (FB) rasminya, semalam.



KERATAN AKHBAR
21 January 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Sanggup jual kereta demi isteri
Muka Surat	:	16

Sanggup jual kereta demi isteri

Bapa dua anak iklan kenderaan untuk dijual tampung kos rawatan pembedahan pasangan

Oleh Nor 'Asyikin
 Mat Hayin
 asyikin.mat@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Demi kasih kepada isteri, Mohd Faizal Wahid, 40, sanggup berkorban menjual Proton Persona miliknya bagi menampung kos pembedahan isterinya yang berjumlah RM22,000.

Tanpa rasa malu, Mohd Faizal mengiklankan jualan keretanya di Facebook miliknya semalam.

"Wife warded Hospital KPJ Selangor Specialist Medical Centre, Sek 20 Shah Alam. Isnin ini (25 Januari) memerlukan hampir RM22,000 untuk kos pembedahannya.

"Nak cari lagi separuh. Nak harapkan KWSP i-Sinar & i-Lestari (pengeluaran) RM10,000 tak layak.

"Sesiapa yang nak membantu membeli kereta saya ini, bolehlah PM (mesaj peribadi) saya. Hutang bank dah habis bayar, tahun 2011."



PROTON Persona milik Mohd Faizal Wahid yang mahu dijual.



MOHD Faizal bersama isterinya.

katanya menerusi hantaran Facebook miliknya.

Bapa kepada dua anak ini berkata, isterinya, Siti Hawa Alias, 39, disahkan menghidap barah payudara tahap satu Mei tahun lalu.

"Isteri sudah selesai menjalani enam sesi rawatan kemoterapi pada Jun hingga Disember lalu.

"Kos rawatan ini (kemo-

terapi) berjumlah RM24,000, kami gunakan wang simpanan dan sumbangan keluarga serta rakan," katanya.

Menurut Mohd Faizal, Siti Hawa perlu menjalani pembedahan pada Isnin depan untuk membuang sel barah di bahagian payudara dan ketiak.

"Setakat ini wang terkumpul

ialah RM10,000 termasuk sumbangan daripada Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah dan rakan.

"Saya memang tidak ada duit. Isteri ada insurans perubatan, tetapi tidak boleh digunakan kerana belum mencapai tempoh matang.

"Semua ini saya ketahui selepas memasukkan isteri

ke hospital. Namun saya tidak walaupun tahu kedudukan kewangan," katanya.

Menurut Mohd Faizal yang boleh dihubungi di talian 019-2822650 untuk urusan pembelian Proton Persona itu, dia tidak kisah jika ketiadaan kereta kerana baginya, kesihatan isteri paling utama.

Orang ramai yang prihatin



"Saya memang tidak ada duit. Isteri ada insurans perubatan, tetapi tidak boleh digunakan kerana belum mencapai tempoh matang"

Mohd Faizal

boleh menyumbang ke akaun Maybank 162218334339 atas nama Mohd Faizal Wahid.

"Saya boleh beli semula kereta apabila isteri sembuh dan pulih sepenuhnya. Kesihatan isteri juga semakin baik dan dia sedang menyesuaikan diri dengan kesan rawatan kemoterapi.

"Saya turut membotakkan kepala sebagai tanda sokongan moral kepada isteri yang mengalami masalah ini (botak kepala) kerana kesan kemoterapi.

"Selagi rambut isteri tidak tumbuh, saya akan kekal dengan imej ini (botak)," katanya.



KERATAN AKHBAR
21 January 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Muhammad Sajjad sudah kena dakwa
Muka Surat	:	19

Muhammad Sajjad sudah kena dakwa

Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengesahkan usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruzzaman atau Nur Sajat sudah dihadapkan ke Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, di sini, pada awal bulan ini atas pertuduhan menyebabkan agama Islam dipandang hina.

Pengarah JAIS, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata, pada 6 Januari lalu, Muhammad Sajjad dituduh di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam atas kesalahan mengikut Seksyen 10, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 iaitu menghina atau menyebabkan agama Islam dipandang hina.

“Tertuduh membuat pengakuan tidak bersalah.

Selanjutnya, pihak mahkamah menengguhkan kes pada jam 9 pagi, 23 Februari hadapan untuk perbicaraan.

“Tertuduh dilepaskan dengan jaminan RM3,000 dengan seorang penjamin dalam kalangan penjawat awam kumpulan A,” katanya ketika dihubungi wartawan.

Mohd Shahzihan berkata, pendakwaan terbabit dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Syarie Selangor, Atras Mohd Zain.

Beliau berkata, Muhammad Sajjad didakwa atas pertuduhan menyebabkan agama Islam dipandang hina dengan cara dirinya seorang lelaki yang berpakaian menyerupai wanita.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 January 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Potong gaji bantu tabung Covid-19
Muka Surat	:	6

Kerajaan Negeri Selangor cadang libatkan Exco, ADUN dan pegawai GLC

Potong gaji bantu tabung Covid-19

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Kerajaan negeri bercadang melaksanakan potongan gaji meliputi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan pegawai tinggi di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi mengisi Tabung Bantuan Menangani Bencana Covid-19 Selangor.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, beliau sendiri akan menyumbang sebanyak sebulan gaji sebagai permulaan kepada usaha tersebut.

"Mekanisme potongan gaji ini akan dimuktamadkan dan akan disalurkan ke tabung tersebut. Pengaktifan semula tabung ini bagi membantu usaha menangani pandemik Covid-19 dan mengalu-alukan sumbangan korporat dan GLC Selangor.

"Kerajaan negeri pada pagi ini (semalam) telah menerima sum-



TANGKAP layar ketika Amirudin membuat pengumuman khas Pakej Kita Selangor di laman Facebook semalam.

bangun RM2.3 juta bagi tabung itu. Malah, saya turut menyumbang sebanyak sebulan gaji," katanya ketika pengumuman khas Pakej Kita Selangor di sini se-

malam.

Pakej Kita Selangor itu memberi implikasi kewangan berjumlah RM73.9 juta kepada kerajaan negeri dalam meringankan beba-

nan rakyat Selangor.

Menurut Amirudin, peruntukan RM6 juta akan disalurkan bagi pelaksanaan ujian saringan bersasar percuma yang mem-



TABUNG BANTUAN COVID-19 2020

Menerima sumbangan berjumlah RM9.3 juta

berikan manfaat kepada 50,000 individu daripada golongan sasar iaitu warga emas yang berisiko tinggi, golongan B40 dan mahasiswa anak Selangor dalam mencegah penularan Covid-19.

"Setakat ini, kita telah melaksanakan 19,976 ujian calitan percuma di seluruh Selangor.

"Bas Smart Selangor juga akan digunakan secara percuma untuk menghantar pesakit dari rumah ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) Berisiko Rendah di MAEPS, Serdang bagi mengurangkan beban petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya.

Tambah beliau, pemberian bantuan makanan akan diteruskan kepada 9,822 petugas perubatan di hospital-hospital serta Pejabat Kesihatan Daerah seluruh negeri, selain 3,500 anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang bertugas di sekatan jalan raya (SJR).



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 January 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Sajat mengaku tidak salah berpakaian seperti wanita
Muka Surat	:	8

SAJAT MENGAKU TIDAK BERSALAH BERPAKAIAN SEPERTI WANITA »8



Sajat mengaku tidak salah berpakaian seperti wanita

SHAH ALAM – Usahawan kosmetik sensasi, Sajat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Tinggi Syariah di sini atas pertuduhan berpakaian menyerupai wanita sehingga menyebabkan agama Islam dipandang hina.

Sumber memberitahu, Sajat atau nama sebenarnya Muhammad Sajjad Kamaruzzaman, 36, membuat pengakuan tidak bersalah itu selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Syarie Mohammad Khalid Shae@Shaii pada 6 Januari lalu.

Mengikut pertuduhan, Sajat didakwa telah menyebabkan agama Islam dipandang hina dengan caranya seorang lelaki yang menyerupai wanita di dalam majlis bacaan Yasin dan solat hajat.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di dalam premis Nursajat Beautician, Alam Avenue 2, Jalan Serai Wangi G16/G, Seksyen 16, Shah Alam pukul 7.30 malam pada 23 Februari 2018.

Berikutan itu pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 10(a) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995

yang jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM5,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan bagi prosiding itu diwakili Timbalan Pendakwa Raya Syarie Selangor, Atras Mohd. Zain.

Mahkamah kemudian membenarkan Sajät diikat jamin RM3,000 dan menetapkan 23 Februari ini bagi sebutan semula kes.

Nama Sajat kembali menjadi bahan bualan netizen selepas dia mendakwa, dirinya ditahan reman oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) kerana mengadakan majlis doa selamat dan bacaan Yasin di pejabatnya di Shah Alam.

Menurut Sajät, dia ditahan pada tanggal 6 Januari lalu di Pusat Tahanan Sementara (PTS) di Kuala Kubu Bharu dan dia telah dilayan

tidak wajar walaupun datang bertujuan memberi keterangan dan kerjasama pada pihak JAIS.

Difahamkan, Sajät ditahan selepas mengadakan majlis doa selamat untuk anak-anak tahfiz pada tarikh 23 Februari 2018 sebelum segelintir pihak mengam-

bil tindakan membuat laporan kepada JAIS yang tidak bersetuju dirinya berpakaian seperti seorang wanita yang dilihat seperti mempermainkan agama.



SAJAT
didakwa di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam pada 6 Januari lalu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 January 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	45 kilang buat pencemaran berulang
Muka Surat	:	16

JAS pantau premis buang sisa berjadual melebihi piawaian di Rawang dan Klang

45 kilang buat pencemaran berulang

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor mendedahkan sebanyak 45 buah kilang yang dipantau pihaknya di dua daerah di Selangor didapati melakukan kesalahan berulang iaitu membuang efluen melebihi piawai dan sisa berjadual mereka sepanjang tahun 2020.

Pengarahnya, Nor Aziah Jaafar berkata, kebanyakan kilang tersebut berasaskan makanan dan minuman, kimia dan berasaskan getah dengan terletak di Rawang dan Klang.

Katanya, mereka didapati melepaskan efluen terus menerusi longkang awam atau lurang kumbahan sebagai jalan pintas menjimatkan kos operasi.

"Rata-rata kilang ini didapati berdegit dengan sengaja membuang sisa daripada proses

kilang tanpa rasa serba salah. "Berdasarkan rekod mendapati ada di antara kilang-kilang ini melakukan dua kali kesalahan dalam tempoh setahun," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Kosmo! pada Jumaat lalu melaporkan sebanyak 6,136 kilang terutama sektor pembuatan getah dan kimia, pengilangan logam serta berasaskan makanan dan minuman berpotensi melakukan pencemaran di Selangor.

Jumlah itu merupakan separuh daripada keseluruhan 12,764 kilang berdaftar yang menghasilkan sisa air buangan dan sisa berjadual.

Mengulas lanjut, Nor Aziah menegaskan bagi kesalahan berulang tiada lagi kompaun dikenakan sebaliknya berdepan tindakan lebih tegas iaitu tindakan mahkamah mengikut Akta



KERATAN Kosmo! 15 Januari 2021.

Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Pencemaran sumber air ini adalah kesalahan serius dan sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

"Kita juga menyita peralatan memproses daripada kilang-kilang tersebut bagi menghentikan pencemaran serta-merta dan mengarahkan tindakan pembaikan diambil," jelasnya.



GAMBAR FAIL menunjukkan anggota Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) memasang beg activated carbon bagi mengawal pencemaran bau di Sungai Kundang, Rawang. – GAMBAR HIASAN



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 January 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Mi segera VIT'S sah halal sejak 1980
Muka Surat	:	18

Mi segera VIT'S sah halal sejak 1980

Pengguna boleh terus guna produk tanpa berasa ragu-ragu

Oleh NORAFIZA JAAFAR

RAWANG

Pengeluar makanan berasaskan mi segera jenama VIT'S memenuhi piawaian halal dan selamat dimakan.

Menjelaskan isu yang tular di media sosial baru-baru ini, Pengarah Pembangunan VIT'S, YT Lai berkata, syarikat yang ditubuhkan pada tahun 1975 itu memiliki perakuan siji Halal Malaysia sejak tahun 1980-an.

Beliau memberi jaminan, produk VIT'S yang berada di pasaran adalah memenuhi piawaian halal dan selamat untuk dimakan.



Dari kiri: Chumihati, YT Lai, Pegawai Kawalan Kualiti, Siti Norulain Rani dan Pegawai Pemasaran Antarabangsa, Baizura Mohd Tazri pada sidang akhbar di Ibu negara baru-baru ini.

"Pengguna boleh terus menggunakan produk kami tanpa ragu-ragu," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Beliau berkata, premis VIT'S dilawati oleh pegawai Unit Halal Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk pemeriksaan berkala pada September tahun lepas.

"Pemeriksa telah mengutarakan isu-isu teknikal yang berkaitan dengan kebersihan di bahagian pemprosesan seperti peralatan tidak disimpan, kelengkapan pekerja, mesin tidak digunakan tidak bertutup, dijumpai putung rokok di kawasan bukan untuk merokok serta seorang pekerja berkuku panjang.



VIT'S memberi jaminan bahawa produk yang berada di pasaran memenuhi piawaian halal dan selamat dimakan.

"VIT'S telah mengambil tindakan sewajarnya untuk penambahbaikan terhadap isu-isu yang telah diutarakan oleh pihak JAIS dan sedang menunggu giliran untuk pemeriksaan semula oleh JAIS," katanya.

Sementara itu, Pegawai Halal di Bahagian Halal Vit Makanan KL Sdn Bhd, Chumihati Kajumi berkata, VIT'S merupakan satu daripada 300 syarikat yang menunggu giliran untuk diperiksa.

"Kami akur dengan giliran yang ditetapkan memandangkan

situasi pandemik yang membataskan jadual pegawai JAIS untuk membuat pemeriksaan buat masa ini," katanya.

Katanya, VIT'S memohon orang ramai untuk menghentikan penyebaran sebarang maklumat palsu yang boleh mengundang salah faham.

Beliau berkata, pengguna boleh berurusan terus kepada VIT'S untuk sebarang pertanyaan dan mendapatkan status terkini di portal rasmi mereka di www.vitnoodles.com.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 January 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sajat sudah didakwa di mahkamah
Muka Surat	:	20

Sajat sudah didakwa di mahkamah

SHAH ALAM - Usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman atau Nur Sajat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Tinggi Syariah di sini pada 6 Januari lalu atas tuduhan sebagai seorang lelaki berpakaian menyerupai wanita pada tahun 2018.



MUHAMMAD SAJJAD
atau **NUR SAJAT**

Menurut sumber, Muhammad Sajjad, 36, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Syarie, Mohammad Khalid Shae @ Shaii.

Mengikut pertuduhan, dia sebagai seorang lelaki didakwa melakukan kesalahan itu sehingga menyebabkan Islam dipandang hina.

Kejadian didakwa dilakukan ketika majlis bacaan Yasin dan solat hajat di premis kecantikannya di Alam Avenue 2, Jalan Serai Wangi di sini pada jam 7.30 malam, 23 Februari 2018.

Muhammad Sajjad kemudiannya dibebaskan dengan jaminan sebanyak RM3,000 dan mahkamah menetapkan 23 Februari depan untuk sebutan semula kes.

Sebelum ini satu rakaman video tular di laman sosial memaparkan Nur Sajat menangis dalam keadaan bergari.

Nur Sajat menerusi Instagram miliknya mendakwa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) seakan melengah-lengahkan urusan surat jaminan dan turut menyebabkan kecederaan kepadanya ketika proses siasatan dijalankan di Ibu Pejabat JAIS di sini.

Dia turut mendakwa, dilayan dengan buruk dan digari sehingga mengalami bengkak di badan kerana bergelut untuk mempertahankan diri walaupun sudah tampil memberikan kerjasama untuk siasatan pihak JAIS.

Dalam pada itu, JAIS mengesahkan pihaknya menjalankan siasatan terhadap Muhammad Sajad.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 January 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MAIS bantu masjid, surau terjejas Covid-19
Muka Surat	:	23

MAIS bantu masjid, surau terjejas Covid-19

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menghulurkan sumbangan bantuan RM200,000 kepada masjid dan surau yang mendapat kebenaran solat Jumaat terpilih di negeri ini berikutan penularan Covid-19 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Setiausahanya, Dr Ahmad Shahir Makhtar berkata, sebanyak 250 penerima sumbangan bantuan meliputi kategori masjid luar bandar, dalam bandar dan surau menerima sumbangan berbentuk wang tunai menerusi peruntukan Baitulmal MAIS.

Menurut beliau, pemba-

yan sumbangan bantuan itu sudah dikreditkan ke dalam akaun bank penerima bagi kategori masjid luar bandar dan selebihnya akan diproses secara berperingkat.

“Jumlah agihan bantuan adalah RM1,000 kepada 150 masjid luar bandar, RM500 kepada 60 masjid dalam bandar dan sumbangan RM500 kepada 40 surau yang mendapat kebenaran solat Jumaat,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Majlis simbolik penyerahan replika cek MAIS disampaikan Pengerusi MAIS, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof kepada Penolong

Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Hashim Muhammad di Bilik Pengerusi MAIS, Bangunan Sultan Idris Shah di sini.

Sementara itu, Ahmad Shahir berkata, pemilihan penerima sumbangan bantuan berdasarkan masjid dan surau solat Jumaat yang dikenal pasti terjejas sumber pendapatan berikutan penangguhan aktiviti dan ketetapan pihak berkuasa agama negeri Selangor yang menghadkan bilangan jemaah dalam tempoh PKP.

“Pihak MAIS berharap bantuan dapat meringankan

beban terutama bagi keperluan masjid dan surau untuk menjelaskan bil-bil utiliti serta keperluan kecil lain berikutan kutipan tabung masjid dan surau solat Jumaat berkurangan disebabkan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sepanjang PKP sejak 18 Mac tahun lalu,” katanya.

Beliau berkata, antara masjid yang menerima sumbangan bantuan ialah Masjid Ar-Rohmaniah, Kampung Sungai Lang Baru, Kuala Langat; Masjid As-Sajidin, Batang Kali, Hulu Selangor dan Masjid Tebuk Sultan, Sungai Tengar, Sabak Bernam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 January 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pakej Kita Selangor
Muka Surat	:	23

Pakej Kita Selangor

Usaha kurangkan bebanan
 rakyat hadapi Covid-19

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Kerajaan negeri Selangor mengumumkan Pakej Kita Selangor bagi mengurangkan bebanan rakyat negeri ini menghadapi penularan Covid-19.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, Pakej Kita Selangor bakal memberi implikasi kewangan berjumlah RM73.877 juta kepada kerajaan negeri.

Katanya, inisiatif ini juga merupakan usaha kerajaan negeri membantu rakyat mendepani cabaran susulan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Berhadapan PKP kali kedua pastinya mencabar buat kita semua, oleh itu kerajaan negeri sedaya upaya menggembleng sumber yang ada bagi memasti-

kan kebajikan rakyat terbelah,” katanya ketika membuat pengumuman pakej berkenaan secara dalam talian pada Rabu.

Sebelum ini, kerajaan Persekutuan mengumumkan pelaksanaan PKP di beberapa negeri termasuk Selangor selama 14 hari bermula 13 hingga 26 Januari ini.

Amirudin berkata, kerajaan negeri menyediakan peruntukan RM6 juta bagi melaksanakan ujian saringan bersasar percuma yang memberi manfaat kepada 5,000 rakyat negeri ini.

“Program ini akan memfokuskan kepada golongan sasaran seperti warga emas yang berisiko tinggi, khususnya yang lebih berusia di Pusat Penjagaan Warga Emas dan Pusat Hemodialisis seluruh Selangor, golongan B40 dan mahasiswa anak Selangor,” katanya.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, menerusi pakej berkenaan, kerajaan negeri turut mengambil inisiatif me-



AMIRUDIN

nambah baik aplikasi SE-Langkah dalam membantu pengawasan sendiri pesakit Covid-19.

Selain itu, bagi mengurangkan beban petugas barisan hadapan, beliau berkata, Bas Smart Selangor juga digunakan secara percuma menghantar pesakit dari rumah ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Taman

Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang.

